

Tarikh dibaca: 16 Ogos 2019M | 15 Zulhijjah 1440H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MERAH KEBERKATAN DI HARI
JUMAAT”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“MERAIH KEBERKATAN DI HARI JUMAAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَكَ لِلصَّلَاةِ
مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ
إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita terus istiqamah untuk meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan suruhan-Nya serta menjauhi segala larangan dan tegahan-Nya.

¹ al-Jumuah : 9.



Semoga dengan demikian, kita sentiasa dinaungi dengan redha dan rahmat daripada Allah SWT. Pada hari yang penuh keberkatan dan kemuliaan ini, marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk **“MERAIH KEBERKATAN DI HARI JUMAAT”**.

Hadirin yang di rahmati Allah sekalian,

Setiap minggu pada hari Jumaat kita berkumpul di masjid, membuat pelbagai amalan seperti bersedekah, mendengar khutbah, bersolat dan beriktikaf di masjid, membaca al Quran dan sebagainya. Akan tetapi ramai juga yang masih leka dan lalai serta mengabaikan kemuliaan yang Allah berikan pada Hari Jumaat. Contohnya ada di kalangan kita sengaja datang lewat ke masjid, berbua-bual kosong, malah ketika khatib berkhutbah pun masih ada yang tidur dan bermain telefon, yang lebih mendukacitakan, masih ada diluar sana yang tidak hadir menunaikan solat fardhu Jumaat dan mengabaikannya. Apakah kita tahu betapa mulianya hari Jumaat di sisi Allah SWT? Mungkin ramai di kalangan kita tahu dan sedar bahawa Hari Jumaat adalah penghulu segala hari, hari Jumaat adalah hari yang diciptakan Nabi Adam Alaihis Salam, dimasukkan Nabi Adam ke dalam Syurga dan dikeluarkannya daripada Syurga dan tidak akan berlaku hari kiamat melainkan hari Jumaat. Mulianya Hari Jumaat ini sehinggakan terbit matahari pada pagi Jumaat, adalah sebaik-baik matahari berbanding hari-hari yang lain. Ini telah dinyatakan sebagaimana hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, bahawa Nabi SAW bersabda:



خَيْرُ يَوْمٍ طَلَعَتْ عَلَيْهِ الشَّمْسُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ،
فِيهِ خُلِقَ آدَمُ، وَفِيهِ أُدْخِلَ الْجَنَّةَ، وَفِيهِ أُخْرِجَ
مِنْهَا، وَلَا تَقُومُ السَّاعَةُ إِلَّا فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ

"Sebaik-baik hari apabila terbitnya matahari adalah pada hari Jumaat, padanya diciptakan Adam Alaihis Salam. Pada hari itu juga dimasukkan ke dalam syurga dan pada hari itu jugalah dikeluarkan dari syurga dan tidak akan berlaku Kiamat melainkan pada hari Jumaat".

(Riwayat Muslim).

Sesungguhnya Hari Jumaat adalah hari kebesaran umat Islam, Allah memuliakan Hari Jumaat melebihi Hari Raya Eidulfitri dan Eiduladha. Namun sayangnya ada yang masih leka dengan mengabaikannya sedangkan semua makhluk lain takutkan hari Jumaat. Hadis dari Abi Lubabah Bin Abd Munzir Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW telah bersabda :

إِنَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ سَيِّدُ الْأَيَّامِ ، وَأَعْظَمُهَا عِنْدَ اللَّهِ ،
وَهُوَ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ يَوْمِ الْأَضْحَى وَيَوْمِ
الْفِطْرِ، فِيهِ خَمْسُ خِلَالَ: خَلَقَ اللَّهُ فِيهِ آدَمَ،
وَأَهْبَطَ اللَّهُ فِيهِ آدَمَ إِلَى الْأَرْضِ، وَفِيهِ تَوَفَّى اللَّهُ
آدَمَ، وَفِيهِ سَاعَةٌ لَا يَسْأَلُ اللَّهُ فِيهَا الْعَبْدُ شَيْئًا



إِلَّا أَعْطَاهُ، مَا لَمْ يَسْأَلْ حَرَامًا، وَفِيهِ تَقْوَمُ
السَّاعَةُ، مَا مِنْ مَلِكٍ مُقَرَّبٍ وَلَا سَمَاءٍ وَلَا أَرْضٍ
وَلَا رِيَّاحٍ وَلَا جِبَالٍ وَلَا بَحْرٍ إِلَّا وَهْنٌ يُشْفِقْنَ مِنْ
يَوْمِ الْجُمُعَةِ

"Sesungguhnya hari Jumaat adalah penghulu kepada segala hari dan seagung-agung hari di sisi Allah yang mana keagungannya itu di sisi Allah lebih agung berbanding hari raya Aidiladha dan juga Aidilfitri. Ini kerana, pada hari tersebut terdapat lima perkara besar iaitu: Padanya diciptakan, diturunkan ke bumi dan diwafatkan Nabi Adam. Padanya juga terdapat satu masa apabila seseorang itu meminta sesuatu kepada Allah pasti akan diberikan kepadanya selagimana dia tidak meminta sesuatu yang haram. Padanya juga akan berlakunya Kiamat dan pada hari itu juga (hari Jumaat) tidak ada malaikat yang dekat dengan Allah, di langit, bumi, angin, gunung dan laut melainkan takut dengan keagungan hari Jumaat."

(Riwayat Ibn Majah dan Ahmad).

Hadirin Sekalian

Di dalam hidup ini, tentunya tidak ada manusia yang mahu dirinya menanggung rugi, seandainya peluang mengaut keuntungan terbentang luas di hadapan matanya. Malahan jika boleh, manusia mengharapakan peluang mengaut keuntungan sentiasa datang agar ia boleh berterusan memanfaatkan peluang keemasan tersebut. Demikianlah halnya dengan fadhilat di hari Jumaat. Pada setiap hari Jumaat, bermula dari terbenamnya matahari petang semalam iaitu petang Khamis, sehinggalah masuknya waktu



Maghrib pada petang ini, setiap muslim tidak kira muda atau tua, lelaki mahupun wanita, berpeluang merebut pelbagai kelebihan yang disediakan oleh Allah SWT pada hari Jumaat. Di antara kelebihan hari Jumaat yang sering kita abaikan ialah waktu yang di makbulkan doa oleh Allah SWT. Daripada Abu Musa al-Asy'ari Radhiallahu Anhu, bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda apabila beliau ditanya oleh Ibn Umar Radhiallahu Anhuma tentang waktu yang mustajab tersebut:

أَسْمِعْتَ أَبَاكَ يُحَدِّثُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي شَأْنِ سَاعَةِ الْجُمُعَةِ شَيْئًا؟ قَالَ: نَعَمْ! سَمِعْتُهُ، يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "هِيَ مَا بَيْنَ أَنْ يَجْلِسَ الْإِمَامُ إِلَى أَنْ تُقْضَى الصَّلَاةُ"

"Adakah kamu pernah mendengar ayahmu meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW berkenaan satu waktu (mustajab) pada hari Jumaat?". "Ya, aku pernah mendengarnya". Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Ia adalah di antara duduknya imam (iaitu diatas mimbar) sehingga selesainya solat didirikan".

(Riwayat Muslim).

Begitu juga hadis daripada Jabir bin Abdillah Radhiallahu Anhu, bahawa Nabi SAW bersabda:



يَوْمَ الْجُمُعَةِ اثْنَتَا عَشْرَةَ سَاعَةً، لَا يُوجَدُ فِيهَا
عَبْدٌ مُسْلِمٌ يَسْأَلُ اللَّهَ شَيْئًا إِلَّا آتَاهُ إِيَّاهُ،
فَالْتَمِسُوهَا آخِرَ سَاعَةٍ بَعْدَ الْعَصْرِ

"Hari Jumaat mempunyai 12 jam, padanya terdapat satu waktu yang mana tidak ada seorang hamba yang meminta sesuatu kepada Allah SWT melainkan Allah SWT akan memberikan apa yang dimintanya itu kepadanya. Maka carilah waktu tersebut pada akhir waktu selepas asar".

(Riwayat al-Nasa'ie).

Hadis yang dibacakan tadi jelas menunjukkan waktu-waktu yang mustajab pada hari Jumaat untuk berdoa. Sebagai hamba Allah yang banyak kelemahan dan kekurangannya sudah tentu mempunyai pelbagai hajat dan doa supaya dimakbulkan oleh Allah SWT, tetapi ruginya kita apabila ada peluang yang baik pada hari Jumaat ini namun kita hiasinya dengan kelalaian dan perbuatan yang tidak bermanfaat.

Justeru, biasakanlah dengan amalan-amalan sunat di hari Jumaat seperti berwuduk dengan sempurna dan mandi sunat sebelum hadir ke masjid, memakai wangi-wangian, datang awal ke masjid, perbanyakkan membaca al- Quran, memotong kuku, dan pelbagai lagi amalan sunat yang lain. Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Salman Al-Farisi Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Mana-mana manusia yang mandi di hari Jumaat, membersihkan diri, memakai minyak rambut dan minyak wangi di rumahnya, kemudian ia datang ke masjid serta ia tidak melanggar bahu jemaah yang lain, kemudian ia



menunaikan solat sunat sekadar kemampuannya dan ia berdiam diri ketika imam berkhotbah, maka Allah mengampunkan dosa-dosanya di antara 2 Jumaat."

(Riwayat Al-Bukhari).

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian.

Selain dari itu juga kita diperintahkan untuk memperbanyakkan selawat pada hari Jumaat. Ini dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aus bin Aus Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

"Sesungguhnya hari yang paling utama bagi kamu adalah hari Jumaat kerana pada hari itu Nabi Adam dijadikan, pada hari itu baginda diwafatkan, pada hari itu ditiupnya sangkakala (berlaku kiamat) dan pada hari itu akan ditiupkan sangkakala pertama (dibangkitkan kembali). Maka perbanyaklah selawat kepadaku kerana selawat kamu akan disampaikan kepadaku." Mereka (para sahabat) berkata: "Wahai Rasulullah SAW, bagaimanakah selawat kami boleh sampai kepada kamu, sedangkan kamu telah wafat? (atau) mereka berkata: "Telah hancur (tulangnya)". Lalu baginda SAW bersabda: "Allah SWT mengharamkan tanah untuk memakan jasad para Nabi Aalaihissalam."

(Abu Daud, An-Nasaie, Ibn Majah)

Kita juga digalakkan untuk memasuki masjid seawal yang boleh agar dapat menunaikan solat sunat dengan tenang serta mendapat tempat yang lebih selesa. Malahan, mereka yang masuk lebih awal, akan dicatat namanya oleh para malaikat yang menanti di pintu masjid. Malaikat-malaikat ini akan berhenti mencatat nama manusia apabila azan dikumandangkan.



Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu katanya, sabda Rasulullah SAW:

إِذَا كَانَ يَوْمُ الْجُمُعَةِ، كَانَ عَلَى كُلِّ بَابٍ مِنْ
أَبْوَابِ الْمَسْجِدِ الْمَلَائِكَةُ، يَكْتُبُونَ الْأَوَّلَ فَأَلَّوْلَ. فَإِذَا
جَلَسَ الْإِمَامُ طَوَّأَ الصُّحُفَ، وَجَاءُوا يَسْتَمِعُونَ
الذِّكْرَ.

“Apabila tiba hari Jumaat, akan ada malaikat di pintu-pintu masjid yang mencatat nama orang-orang yang datang awal. Sehingga apabila imam duduk sebelum membaca khutbah, mereka akan menutup lembaran (berhenti mencatat nama) dan mereka mendengar khutbah.”

(Riwayat Al-Bukhari).

Hadirin yang dirahmati Allah,

Namun di sebalik fadhilat-fadhilat tersebut, terdapat beberapa perkara yang perlu kita awasi dan berhati-hati, agar ganjaran yang kita dambakan tidak menjadi sia-sia. Sewaktu kita sedang berada di dalam masjid, kita perlulah menjaga adab-adab dan mengekalkan ketenangan suasananya. Malah, kita telah diingatkan oleh Rasulullah SAW agar tidak melakukan perkara-perkara yang sia-sia ketika mana khatib sedang menyampaikan khutbah. Hal ini telah disebut dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda :



إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ: أَنْصِتْ، يَوْمَ الْجُمُعَةِ
وَالْإِمَامُ يَخُطُبُ، فَقَدْ لَغَوْتَ

“Apabila kamu berkata kepada kawanmu ‘diamlah’ ketika khatib sedang berkhotbah, maka sesungguhnya kamu telah lakukan perkara yang sia-sia.”

(Riwayat Ibn Majah).

Lihatlah para hadirin sekalian, hanya menegur orang lain dengan perkataan ‘diamlah’ pun sudah merugikan pahala kita, maka bayangkan seandainya kita masih bersembang-sembang atau berbual-bual kosong di belakang dan diluar sana? Tidakkah kita menyedari betapa kehadiran kita di hari ini menjadi sia-sia sahaja?

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada kali ini, terdapat beberapa perkara penting yang boleh kita ambil sebagai pengajaran dan penghayatan. Antaranya adalah:

1. Umat Islam perlulah menyedari dan meyakini serta menginsafi bahawa hari Jumaat adalah hari yang penuh keberkatan dari Allah SWT bahkan terjadinya kiamat juga pada hari Jumaat.
2. Umat Islam hendaklah bersegera merebut peluang dan ganjaran pahala dari pelbagai amalan yang menepati syariat pada hari Jumaat.
3. Umat Islam perlulah menjadikan setiap hari itu lebih baik dari hari-hari sebelumnya agar terus menjadi umat Islam yang cemerlang dan berjaya.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ﴿١٠٣﴾ الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي
الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Mahukah Kami khabarkan kepada kamu akan orang-orang yang paling rugi amal-amal perbuatannya?. (laitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan".

(al-Kahfi : 103-104).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ



الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَهَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ
ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكُّو
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرِّشَادِ.



Ya Allah, Engkau adalah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana. Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
أَقِمِ الصَّلَاةَ.
